

**ANIH BERHAD AKTIFKAN LALUAN KONTRA SELAMA TIGA BULAN  
MULAI 20 JULAI**

*~ Langkah Pengurusan Trafik Bagi Melancarkan Projek Tebatan Banjir di LPT1~*

**KUALA LUMPUR, 20 JULAI 2023**– ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) hari ini mengumumkan pengaktifan laluan kontra dari KM123.10 hingga ke KM124.70 ke arah Kuantan bermula hari ini, bagi meminimumkan gangguan kepada aliran trafik utama untuk kerja-kerja projek tebatan banjir di LPT1.

Pengaktifan sistem ini adalah disebabkan beberapa skop kerja kritikal seperti penambakan laluan utama dan kawasan sekitarnya, menaikkan tahap ketinggian laluan utama, penambahbaikan menyeluruh kepada laluan air sedia ada, dan pembinaan saluran air tambahan di kawasan tersebut.

Projek tebatan banjir ini bertujuan menangani peningkatan paras sungai dan kawasan tадahan hujan yang sebelum ini menjadikan laluan utama LPT1. Skop kerja ini akan melibatkan 14 kawasan yang telah dikenalpasti di laluan utama di dalam *Right of Way* (RoW) lebuhraya tersebut.

“Pihak ANIH komited untuk memastikan tahap keselamatan dan keselesaan para pengguna menjadi keutamaan sepanjang projek ini. Oleh itu, pengaktifan laluan kontra ini bertujuan untuk mengurangkan gangguan trafik kepada para pengguna. Sungguhpun laluan ini akan melibatkan penutupan penuh lebuhraya dari KM123.10 hingga ke KM124.70 ke Kuantan, namun pengaktifan lorong ini akan diubah mengikut kesesuaian dan keperluan trafik semasa”, kata Dato’ Nik Fauzi Tan Sri Dr Nik Hussein, Pengurus Eksekutif ANIH Berhad.

Terdahulu, ANIH Berhad telah memberikan taklimat berkenaan maklumat projek dan perkembangan fasa projek tebatan banjir kepada Menteri Kerja Raya, Dato Seri Alexander Nanta Linggi, sempena lawatan kerja beliau pada 19 Julai bagi meninjau keadaan kerja-kerja di tapak KM124, arah Barat. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia Ir. Sazali Harun.

Semenjak pembukaan laluan lebuhraya LPT1, empat (4) kejadian banjir telah berlaku iaitu pada tahun 2007, 2014, Januari 2021, dan Disember 2021 yang telah menyebabkan lebuh raya ditutup kepada semua jenis kenderaan selama beberapa hari. Keseluruhan projek tebatan banjir yang dijangka mengambil masa selama empat (4) tahun ini meliputi kerja-kerja menaikkan paras permukaan jalan sedia ada berdasarkan paras banjir tertinggi yang direkodkan di LPT1 dan membina selenggaraan tambahan di kawasan terjejas untuk mengelakkan air daripada masuk ke laluan utama.

Para pengguna dinasihati untuk merancang perjalanan mereka dan mematuhi papan arah serta arahan petugas di lokasi. Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, para pengguna disarankan untuk mengikuti saluran ANIH TV serta saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook (@Lebuhraya Pantai Timur) dan Twitter, (@LPTTrafik) serta Lembaga Lebuhraya Malaysia di Twitter (@llmtrafik) dan Facebook (@Lembaga Lebuhraya Malaysia). Untuk sebarang kecemasan, sila hubungi LPT - Line di 1-700-818-700 atau LLM di 1800-88- 7752.

-TAMAT-

**Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad ialah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (KLK1). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang ke Jabor di KM 250.6 Terengganu, LPT memendekkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar utama di sebelah Pantai Timur khususnya Kuantan. Operasi dan penyelenggaraan tol rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diuruskan oleh Kumpulan MTD.

**Hubungi :**

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan**

[communications@mtdgroup.com.my](mailto:communications@mtdgroup.com.my)